



NEGERI SABAH

JPAN: 6000-500/8/15

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 2 / 2021

**PROGRAM PEMBELAJARAN DALAM TALIAN BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH MELALUI
PELANTAR SABAH ELITE PERCIPIO (SABAH EXECUTIVE LEARNING
THROUGH INTERACTIVE TALENTS ENGAGEMENT PLATFORM)**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan program pembelajaran atas talian bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sabah melalui pelantar **Sabah ELITE Percipio**.

2. LATAR BELAKANG

Dalam era ekonomi digital, keupayaan dan kemahiran penjawat awam perlu sentiasa dipertingkatkan. Setiap pegawai perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kompetensi seiring dengan perubahan dan keperluan semasa. Kaedah pembelajaran di bawah norma baharu telah berubah dan penjawat awam perlu membudayakan pembelajaran sepanjang hayat tanpa mengira tempat dan masanya.

3. OBJEKTIF PELANTAR SABAH ELITE PERCIPIO

- 3.1. Pembelajaran maya dan pembudayaan digital secara **5A (Accessible Anytime Anyone Anywhere Any Device)** perlu diterapkan sebagai norma baharu di kalangan penjawat awam. Pelantar digital **Sabah ELITE Percipio** merupakan pembelajaran khas diperkenalkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sabah dengan tujuan membentuk penjawat awam yang mahir dan kompeten serta bersedia untuk membangunkan Kerajaan Digital.
- 3.2. **SABAH ELITE** adalah singkatan kepada **Sabah Executive Learning Through Interactive Talents Engagement**. Objektif utama pengenalan pembelajaran dalam talian **Sabah ELITE Percipio** kepada pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri antaranya adalah untuk:
- i. Menggalakkan pembelajaran maya selaras dengan pembudayaan 5A;
 - ii. Memperkasakan kompetensi digital penjawat awam; dan
 - iii. Memperluaskan pengetahuan dan kemahiran penjawat awam.
- 3.3. Pada peringkat permulaan, program pembelajaran maya melalui **Sabah ELITE Percipio** ini akan melibatkan pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Pegawai akan berpeluang untuk mempelajari bidang kursus / latihan dengan akses penuh untuk menerokai topik yang menarik perhatian melalui pelbagai saluran, mengikuti perkembangan kursus, video, buku dan buku audio ke arah meningkatkan prestasi kerja melalui platform **Sabah ELITE Percipio** tanpa batas

4. PELAKSANAAN PELANTAR SABAH ELITE PERCIPIO

Pelaksanaan program pembelajaran dalam pelantar **Sabah ELITE Percipio** untuk memperkasakan pengetahuan dan tahap kompetensi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah seperti berikut:

- (i) Sasaran pembelajaran bagi setiap pegawai ialah sekurang-kurangnya tiga puluh (30) jam setahun. Rekod pembelajaran akan diambilkira dalam Rekod Latihan pegawai dan dimasukkan dalam Sistem Maklumat Sumber Manusia (SM2).
- (ii) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional digalakkan mengikuti Modul Kompetensi mengikut gred masing-masing.
- (iii) Pegawai-pegawai digalakkan menerokai pelbagai kandungan dalam pelantar **Sabah ELITE Percipio** untuk memanfaatkan aplikasi pembelajaran ini.

5. PENILAIAN DAN PELAPORAN SABAH ELITE PERCIPIO

Dengan ciri-ciri mudah guna, senang diakses dan dianalisa dalam pelantar pembelajaran ini, pihak pengurusan boleh sentiasa memantau prestasi dan keperluan pembelajaran penjawat-penjawat awam Negeri. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri selaku Pentadbir bagi pelantar pembelajaran ini akan sentiasa memantau prestasi dan penggunaan pelantar ini dan menyediakan laporan rekod-rekod pembelajaran yang berkenaan untuk maksud penilaian dan perancangan.

6. PERTANYAAN


Pelantar **Sabah ELITE Percipio** boleh dilayari melalui pautan sabahelite.percipio.com. Pertanyaan lanjut boleh dirujuk kepada:

Bahagian Pembangunan Kapasiti
Jabatan Perkhidmatan Awan Negeri
Tingkat 14, Blok A, PPNS
KOTA KINABALU

(TEL: 088-368720 / 088-368721)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



[DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP]

Setiausaha Kerajaan Negeri

12 MAR 2021

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

"SABAH MAJU JAYA"